

Sempena 18 tahun kembalinya Perdana Menteri Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn,

Dasar pentadbiran Tun

Sikap sederhana, berjimat-cermat dan toleransi direal

B-H 06/06/08 M/S 11

PEMIMPIN negara datang dan pergi bersilih ganti. Namun, perkembangan dan kemajuan negara terus diperkasa demi kesejahteraan rakyat. Jasa dan pengorbanan setiap pemimpin pastinya sentiasa lekat dalam ingatan rakyat.

Tidak terkecuali Allahyarham Tun Hussein Onn yang juga dikenali sebagai Bapa Perpaduan. Bersempena dengan kembalinya Allahyarham ke Rahmatullah, Arkib Negara Malaysia mengadakan majlis bacaan Yassin dan tahlil Tun Hussein Onn di Memorial Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur, semalam.

Dilahirkan pada 12 Februari 1922 di Johor Bahru, Allahyarham adalah anak sulung daripada lapan adik beradik kepada pasangan Datuk Onn Ja'afar dan Datin Halimah Hussein. Ia adalah keturunan keluarga yang begitu aktif dalam bidang politik dan pentadbiran di Johor.

Datuknya iaitu Datuk Ja'afar Muhammad pernah dilantik sebagai Penasihat dan Setiausaha Negeri Johor di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar. Beliau juga adalah Menteri Besar Johor yang pertama.

Jaafar berkahwin dengan Roquaiya Hanim iaitu seorang wanita Turki dan dikurniakan tujuh orang anak termasuk Onn.

Hussein mendapat pendidikan peringkat rendah di Singapura. Ketika



BAPA PERPADUAN: Jasa dan bakti Allahyarham Tun Hussein kepada agama, bangsa dan

Hussein terus relevan

Salisasikan dalam tindakan ketika menjadi PM



dan negara tidak ternilai.

Pada 17 Julai 1981, Hussein meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan digantikan oleh Dr Mahathir.

Selepas bersara daripada arena politik, Hussein terus aktif memberikan sumbangan kepada negara dan masyarakat. Pada 2 Februari 1982, beliau dilantik sebagai Penasihat Petronas. Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) pada tahun berikutnya.

Sebuah hospital mata didirikan dan dinamakan sebagai Hospital Mata Tun Hussein Onn. Hospital ini terletak di Petaling Jaya, Selangor yang dirasmikan pada 22 Mac 1986. Selain itu, beliau juga dilantik sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Hussein meninggal dunia pada 29 Mei 1990 pada usia 68 tahun di Pusat Perubatan Seaton, San Francisco, Amerika Syarikat pada jam 7.15 pagi waktu Malaysia kerana penyakit jantung yang lama dihidapinya.

Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Tun Suhailah Mohd Noah dan enam anak. Jenazah beliau dikebumikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara.

Sebagai mengenang jasa dan bakti Allahyarham kepada agama, bangsa dan negara, maka kerajaan melalui Arkib Negara menubuhkan Memo-

PROFIL

Tun Hussein Onn



LAHIR: 12 Februari 1922 di Johor Bahru.

ADIK-BERADIK: Anak sulung daripada lapan beradik.

ISTERI: Tun Suhailah Mohd Noah

ANAK: Enam orang.

PENDIDIKAN

● Pendidikan peringkat rendah di Singapura.

● Menyambung pelajaran pada peringkat menengah di English College, Johor Bahru.

● Memasuki Askar Timbalan Setia Negeri Johor pada 1940

dan mengikuti latihan ketenteraan di Akademi Tentera India di Dehradun.

● Menyambung pelajaran dalam

seorang penuntut sederhana, tetapi terkenal sebagai seorang yang cintakan ilmu, berdisiplin tinggi, berjimat cermat dan toleransi bukan saja dalam pemikirannya, malah tindakannya.

Ayahanda beliau, Onn menghantarnya menyambung pelajaran pada peringkat menengah di English College, Johor Bahru. Selepas tamat persekolahan, Hussein memasuki Askar Timbalan Setia Negeri Johor pada 1940 dan terpilih mengikuti latihan ketenteraan secara intensif di Akademi Tentera India di Dehradun.

Pada 1945, beliau yang sudah berperingkat kapten menyertai tentera British dalam misi merampas Tanah Melayu daripada tentera Jepun. Selepas itu, pada tahun sama juga, beliau dilantik sebagai Pegawai Polis di depot Polis Johor Bahru dan kemudian sebagai Penolong Pegawai Daerah.

Pada masa itu, beliau mula membabitkan diri dalam gerakan politik bersama bapanya dan orang Melayu lain bagi menentang rancangan Malayan Union.

Pada 1948, beliau meletak jawatan sebagai Penolong Pegawai Daerah Segamat dan mula aktif dengan Umno. Pada tahun sama, Undang-Undang Darurat bermula di Tanah Melayu dan Hussein menyertai Jungle Squad dan menjadi Pengajar Pelatih Pengawal Kampung.

Pada 1949, beliau dilantik sebagai

Ketua Pemuda Umno yang pertama dan pada tahun berikutnya sebagai Setiausaha Agung Umno. Selain itu juga beliau turut menjadi Ahli Majlis Undangan Negeri Johor, Ahli Majlis Persidangan Persekutuan dan anggota Suruhan Jaya Tertinggi Perkhidmatan Awam.

Namun pada 1951, Hussein melepaskan jawatannya dalam Umno untuk menyambung pelajarannya dalam bidang undang-undang di England. Pada 1968, beliau didesak oleh Tun Abdul Razak Hussein untuk menyertai semula Umno.

Pada Pilihan Raya Umum 1969, Hussein bertanding atas tiket Perikatan untuk kerusi Parlimen Seri Gading dan berjaya memenangi kawasan terbabit.

Pada tahun berikutnya beliau dilantik sebagai Menteri Pelajaran dan sebagai Menteri Perdagangan dan Industri pada 1973. Apabila Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang pada ketika itu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri meninggal dunia, Abdul Razak memilih Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Hussein dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Ketiga pada 14 Januari 1976 berikutan kematian mengejut Abdul Razak di London. Beliau mengangkat sumpah pada 15 Januari 1976 pada jam 9.30 pagi di Istana Negara.

Pada Mac tahun sama, beliau mengumumkan penubuhan Kabinet ba-

ru dengan melantik Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru. Pada masa itulah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan dalam era awal 70-an, mula menunjukkan hasil.

Selain itu, beliau turut melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga. Beliau juga begitu menekankan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum. Hasilnya ialah penubuhan Lembaga Perpaduan Negara pada 1974.

Tujuan penubuhan lembaga ini ialah untuk membina sebuah masyarakat yang bersatu, demokratik, adil, liberal dan progresif mengikut prinsip Rukun Negara. Beliau juga memberi perhatian serius terhadap kerjasama antara kaum melalui Skim Rukun Tetangga. Maka tidak hairanlah beliau mendapat gelaran 'Bapa Perpaduan'.

Sepanjang menjadi Perdana Menteri, Hussein terkenal dengan usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam proses pembinaan bangsa. Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar utama sistem pendidikan negara dan diwajibkan kepada semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai syarat lulus peperiksaan.

Hussein juga terkenal sebagai seorang pemimpin yang mementingkan jimat cermat dan oleh itu beliau melancarkan Skim Amanah Saham Nasional pada 20 April 1981. Skim ini mendapat sambutan menggalakkan

dalam usaha mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum, sesuai dengan matlamat DEB.

Dari segi dasar luar pula, beliau meluaskan hubungan serantau Malaysia dengan beberapa negara seperti China, Korea, Iran, Pakistan, Mesir, Thailand, Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, India, Jepun, Turki dan Singapura di samping memperkukuhkan kerjasama dan peranan Asean.

Pada 1977, Persidangan Kemuncak Ketua Negara Asean diadakan di Kuala Lumpur. Sebagai seorang Perdana Menteri yang mencintai kedamaian dan keamanan, maka beliau memimpin dasar luar Malaysia ke arah Dasar Berkecuali.

La memang bersesuaian dengan situasi pada masa itu dengan persaingan antara blok Barat diketuai Amerika Syarikat dan blok Timur pimpinan Soviet Union, yang mencorakkan geopolitik dunia. Zaman ini juga terkenal dengan nama Perang Dingin.

Bagaimanapun, era kepemimpinan Hussein sebagai Perdana Menteri berlangsung agak singkat iaitu hanya selama lima tahun. Keadaan kesihatan beliau yang tidak mengizinkan tidak memungkinkannya untuk memberi yang terbaik kepada negara.

Pada 15 Mei 1981 Hussein mengumumkan kesediaan beliau untuk mengundur diri sebagai pemimpin parti dan juga sebagai Perdana Menteri.

rial Tun Hussein Onn. Memorial ini ditempatkan di bekas bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bukit Perdana, Kuala Lumpur.

Perasmiaannya disempurnakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 10 Februari 2006 dan turut dihadiri ahli keluarga Allahyarham dan sahabat handai.

Penubuhan memorial memberi makna yang cukup besar kepada seluruh masyarakat betapa pentingnya jasa dan sumbangan pemimpin terdahulu dikenang serta diabadikan.

Memorial ini bukan saja sebagai tempat pameran, malah juga sebagai pusat penyelidikan mengenai institusi Perdana Menteri dan juga mengenai Hussein itu sendiri.

Ibarat kata pepatah 'harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.'

Begitulah juga dengan Allahyarham yang sudah 18 tahun meninggalkan kita. Namun segala jasa yang dicurahkan pasti dikenang sepanjang zaman.

Arkib Negara Malaysia sebagai pusat sumber dan penyelidikan negara amat mengharapkan sumbangan daripada mana-mana tokoh, mahupun orang perseorangan yang mempunyai bahan mengenai Tun Hussein Onn dalam usaha memperkayakan koleksi bahan beliau bagi tujuan rujukan dan penyelidikan.

Rencana ini disediakan Memorial Tun Hussein Onn, Arkib Negara

bidang undang-undang di England pada 1951.

KERJAYA:

- 1945: Menyertai tentera British dalam misi merampas Tanah Melayu daripada tentera Jepun. Dilantik sebagai Pegawai Polis di depot Polis Johor Bahru dan kemudian sebagai Penolong Pegawai Daerah.
- 1949: Ketua Pemuda Umno yang pertama.
- 1950: Dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno.
- 1951: Melepaskan jawatannya dalam Umno.
- 1968: Didesak oleh Tun Abdul Razak Hussein untuk menyertai semula Umno.
- 1969: Menang bertanding pada pilihan raya umum atas tiket Perikatan (Parlimen Seri Gading).
- 1970: Dilantik sebagai Menteri Pelajaran.
- 1973: Dilantik sebagai Menteri Perdagangan dan Industri. Memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri menggantikan Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang meninggal dunia.
- 14 Januari 1976: Dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-3.
- 17 Julai 1981, meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan digantikan Dr Mahathir Mohamad.
- 29 Mei 1990: Meninggal dunia pada usia 68 tahun.